



PERSATUAN  
INDUSTRI  
KESELAMATAN  
MELAYSIA

Selaras dengan komitmen PIKM memperkuat industri keselamatan swasta, PIKM ingin berkongsi dapatan strategik & maklumat pendidikan dari masa ke semasa

## INFO INDUSTRI

# PERSIDANGAN TAPA APAC 2026

TRANSPORTED ASSET PROTECTION ASSOCIATION ASIA PACIFIC

15 & 16 September 2026 | Singapura

## SUPPLY CHAIN RESILIENCE & SUSTAINABILITY

1

### FOKUS UTAMA YANG DIBINCANGKAN



#### Keselamatan Rantai Bekalan & Risiko Jenayah Kargo

Menyesuaikan strategi menghadapi trend jenayah kargo di rantau Asia-Pasifik melalui perkongsian risikan & kerjasama antara industri dengan agensi penguatkuasaan undang-undang



#### Ancaman Siber dalam Logistik

Peningkatan serangan *phishing*, *online scams* dan ancaman siber yang menasarkankan rantai bekalan global. Syarikat logistik perlu perkukuh sistem digital & bersedia menghadapi piawaian TAPA Cyber Security Standard (CSS)



#### Kelestarian (Sustainability) & ESG

Keseimbangan antara keselamatan kargo dengan amalan logistik hijau bagi memenuhi piawaian kelestarian semasa yang semakin penting dalam rantai bekalan global.



#### Piawaian Baharu TAPA 2026

Pengenalan *Facility Security Requirements (FSR)* & *Trucking Security Requirements (TSR) Version 2026*. Dalam fasa transisi dan persediaan audit, termasuk latihan rasmi

2

### IMPAK PENTING KEPADA AHLI PIKM



#### Naik taraf standard operasi (FSR & TSR Version 2026)

Banyak syarikat multinasional mewajibkan vendor keselamatan mematuhi piawaian TAPA. Ahli PIKM perlu menaik taraf SOP, melatih pengawal dan memperkemas sistem kawalan premis serta pengangkutan agar kekal kompetitif.



#### Evolusi jenayah kargo

Laporan risikan menunjukkan jenayah kargo beralih daripada rompakan fizikal kepada penipuan, ancaman dalaman, penyamaran dan kecurian digital. Ahli PIKM perlu segera menyesuaikan strategi penempatan serta profil risiko pengawal bagi perkhidmatan pengawalan dan pengirangan kargo.



#### Ancaman siber sistem keselamatan

Keselamatan fizikal sahaja tidak memadai jika sistem perisian (seperti CCTV berasaskan IP, GPS dan log data) mudah digodam. Ahli PIKM digesa melabur dalam pertahanan siber bagi melindungi data pelanggan dan operasi penjejakan.



Semoga perkongsian ini dapat membantu ahli merancang strategi perniagaan yang lebih mampan, kalis masa hadapan dan selaras dengan kehendak pasaran global yang semakin ketat.

Dikeluarkan 21 September 2026